



SURAU TAMAN SRI NIBONG

# Mesyuarat Agung ke 17

---

Ahad, 31 Mei 2015, 13 Sya'ban 1436H

9.00 pagi

TINGKAT BUKIT KECIL 4, TAMAN SRI NIBONG, PULAU PINANG

## Kandungan

Bil.	Perkara	Halaman
1.	Agenda Mesyuarat Agung ke 17	3
2.	Minit Mesyuarat Agung ke 16	4
3.	Laporan Setiausaha	8
4.	Laporan Biro Aktiviti dan Program	10
5.	Laporan Biro Pendidikan	12
6.	Laporan Biro Aset dan Pembangunan	13
7.	Senarai Kehadiran AJK	14
8.	Penyata Kewangan Surau	15
9.	Usul - Usul	19

## **Agenda Mesyuarat Agung ke 17**

### **Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong 2014/2016**

- 1.0 Ucapan dasar oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong sesi 2014/2016
- 2.0 Bacaan doa selamat.
- 3.0 Ucapan perasmian Mesyuarat Agung ke 17.
- 4.0 Mesyuarat Agung dimulakan.
- 5.0 Pembentangan dan pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke 16 Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong serta perbincangan perkara berbangkit.
- 6.0 Pembentangan Laporan Setiausaha bagi tahun sesi 2014-2015.
- 7.0 Pembentangan Laporan biro – biro bagi tahun sesi 2014-2015.
- 8.0 Pembentangan dan penerimaan Penyata Kewangan bagi tempoh 1 April 2014 sehingga 30 April 2015.
- 9.0 Pembentangan dan pembahasan usul-usul yang diterima sebelum 24 Mei 2015.
- 10.0 Ucapan penangguhan mesyuarat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong sesi 2014/2016.
- 11.0 Majlis bersurai dan jamuan ringan.

## **Minit Mesyuarat Agung ke 16**

### **Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong 2012 – 2014**

Tarikh: Ahad 27hb April 2014 bersamaan 27 Jamadil Akhir 1435H.

Masa: 9.00 pagi.

Senarai Kehadiran:

1. Abdul Halim Bin Musa
2. Shaik Abdullah
3. Mohamed Anwar Bin Ahmad
4. Mohd Fahmi Bin Abdul Rahim
5. Shamsul Kamal Bin Ismail
6. Abd Rahni Bin Mat Piah
7. Ahmad Nasir Bin Ismail
8. Yaali Bin Kechik
9. Subeli Zali
10. Hj. Mohd Bakri Harun
11. Mohd Shawal Bin Ahmad
12. Mohd Maidin Bin Mohd Yusoff
13. Dato' Mahyuddin Ramli
14. Bukhari Mansor
15. Md Ariffin Bin Che Embee
16. Pawanteh Bin Mohd Kassim
17. Abdul Kuthoose Bin Majid
18. Shahul Hamid Bin A. Mydin
19. Azuan Bin Rusly
20. Mohammad Shafizal Bin Shawal
21. Abd. Muif A. Wahab
22. Ahmad Bin Che Din
23. Baderul Hisham
24. Muhammad Rafie Hj. Mohd Arshad

#### **1) Perlantikan Pengerusi Majlis**

- a) Hj. Mohamed Anwar b. Ahmad telah dilantik.

#### **2) Ucapan Dasar Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Surau Taman Sri Nibong 2012 - 2014**

- a) Ucapan telah disampaikan oleh Tn. Hj. Halim selaku Pengerusi.
- b) Ucapan terima kasih di atas kehadiran ahli jemaah surau ke mesyuarat agung ini.
- c) Ucapan terima kasih kepada AJK atas kerjasama dan tanggungjawab untuk menguruskan Surau Taman Sri Nibong dan menjalankan aktiviti.
- d) Saranan untuk bersungguh – sungguh dalam proses pemilihan AJK.
- e) Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana aktiviti yang dirancang telah berjalan dengan baik.
- f) Komitmen perlu ditingkatkan seperti dalam pengagihan flyers ke rumah jemaah.
- g) Masalah hebahan dan penyampaian maklumat di kalangan ahli jemaah seperti maklumat berkaitan kenduri kendara dan kematian.
- h) Mohon maaf sekiranya terdapat kekasaran atau tersingung perasaan mana – mana pihak sepanjang menjadi pengerusi surau.

- i) Saranan untuk mengajak ahli keluarga dan jiran - jiran untuk turut hadir ke aktiviti aktiviti yang dianjurkan dan mengimarahkan surau.
- j) Makluman kepada para hadirin mengenai penukaran nama daripada 'Musolla Taman Sri Nibong' kepada 'Surau Taman Sri Nibong'.

### 3) Bacaan Doa

- a) Bacaan doa telah di sampaikan oleh Dr. Shaik Abdullah.

### 4) Ucapan Perasmian oleh Yg. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mahyuddin Bin Ramli

- a) Ucapan terima kasih diatas jemputan untuk merasmikan mesyuarat agung ini.
- b) Nama 'Musolla' mengimbau kembali zaman 90-an ketika perancangan pembinaan surau ini dengan bajet sekitar 150 – 200 ribu ringgit sebagai satu pusat untuk jemaah berkumpul.
- c) Penduduk Islam di Taman Sri Nibong adalah sekitar 30% daripada jumlah keseluruhan penduduk taman.
  - i) Oleh itu, terdapat tuntutan untuk mengeratkan silaturrahim.
  - ii) Tanggungjawab AJK adalah untuk menganjurkan aktiviti yang dapat memupuk kesatuan dan dapat menarik golongan muda remaja ke surau ini.
  - iii) Peningkatan statistik jenayah juvana dan anak luar nikah telah disentuh.
  - iv) Umat Islam terus menerus diduga kerana perpecahan yang berlaku.
- d) Perancangan transformasi
  - i) Tanggungjawab kolektif untuk menjadikan surau bukan sekadar tempat untuk melaksanakan tanggungjawab rukun tetapi juga melibatkan aktiviti sosial dan transformasi minda serta berfungsi sebagai institusi untuk menyatupadukan umat Islam.
- e) Saranan untuk berkongsi tenaga, wang ringgit untuk menjayakan surau.
- f) Pengajaran dari Surau Al-Asr:
  - i) Selamatkan generasi muda untuk kebenaran.
- g) Berdoa agar segala usaha murni dapat membuahkan hasil serta mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.
- h) Mohon maaf atas segala kesilapan sekiranya telah menyinggung perasaan mana – mana pihak.
- i) Mesyuarat agung telah dirasmikan.

### 5) Pembentangan dan Pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke 15

- a) Minit Mesyuarat Agung ke-15 telah dibentangkan oleh Hj. Abdul Halim.
- b) Minit Mesyuarat Agung ke-15 diterima.
  - i) Pencadang: Tn. Hj. Shamsul Kamal
  - ii) Penyokong: Tn. Hj. Md. Ariffin

### 6) Pembentangan Laporan Setiausaha

- a) Laporan Setiausaha telah dibentangkan oleh Mohd Fahmi.
- b) Telah dicadangkan supaya dilaporkan juga perbincangan dan usaha yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Surau 2012 – 2014 untuk permohonan pelaksanaan solat jumaat di surau ini. Ini bagi memastikan kesinambungan usaha tersebut dapat diteruskan oleh jawatankuasa pengurusan surau yang baru kelak.

**7) Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan**

- a) Penyata Kewangan bagi sesi 2012-2014 (tahun berakhir 31 Mac 2014) telah dibentangkan oleh Hj. Mohamed Anwar Bin Ahmad.
- b) Pembentangan Penyata Kewangan diterima.
  - i) Pencadang: Hj. Bukhari Mansor
  - ii) Penyokong: Dr. Shaik Abdullah

**8) Pembubaran Ahli Jawatankuasa Surau sesi 2012 – 2014**

- a) Ahli Jawatankuasa Surau sesi 2012 – 2014 telah dibubarkan oleh Pengerusi, Hj. Abd Halim Musa.

**9) Perlantikan Ahli Jawatankuasa Surau dan Juru Audit Dalam Sesi 2014 – 2016**

- a) Proses pemilihan dan perlantikan Ahli Jawatankuasa Surau sesi 2014 – 2016 telah dijalankan.
- b) Berikut adalah keputusannya:
  - i) Pengerusi: Dato' Prof. Ir. Dr. Mahyuddin Bin Ramli
    - (1) Pencadang: Prof. Dr. Abd Rahni
    - (2) Penyokong: En. Mohd Shawal
  - ii) Timbalan Pengerusi: Dr Shaik Abdullah
    - (1) Pencadang: Hj. Ya'ali
    - (2) Penyokong: Hj. Ahmad Che Din
  - iii) Bendahari: Tn. Hj. Mohamed Anwar Bin Ahmad
    - (1) Pencadang: Hj. Ya'ali
    - (2) Penyokong: Sebulat suara
  - iv) Setiausaha: En. Mohd Fahmi Bin Abdul Rahim
    - (1) Pencadang & Penyokong: sebulat suara
  - v) Penolong Setiausaha: En. Abdul Muif Bin Abdul Wahab
    - (1) Pencadang & Penyokong: sebulat suara
  - vi) Ex Officio: Hj. Abd Halim
  - vii) Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset: Hj. Bukhari Bin Mansor.
  - viii) Ahli Jawatankuasa Aktiviti Surau: Hj. Abd Rahim, En. Ilias, Hj. Abd Kuthoose
  - ix) Ahli Jawatankuasa Kawasan Lintang: Hj. Muhammad Rafie dan Hj. Ahmad Nasir.
  - x) Ahli Jawatankuasa Kawasan Lavinia/PPJ: Hj. Md Ariffin.
  - xi) Ahli Jawatankuasa Kawasan Persiaran: Hj. Shamsul dan En. Subeli.
  - xii) Ahli Jawatankuasa Kawasan Lebu/Melati: En. Azuan Rusly dan Hj. Mohd Maidin.

- xiii) Ahli Jawatankuasa Kawasan Mawar/Melur: En Latif dan Hj. Abd Halim
- xiv) Ahli Jawatankuasa Kawasan Tingkat: Hj. Ahmad Che Din dan En. Mohd Shawal.
- xv) Juru Audit Dalaman1: Prof. Dr. Abd Rahni
- xvi) Juru Audit Dalaman2: Hj. Ya'ali
- xvii) Telah diputuskan untuk melantik pegawai – pegawai surau di dalam mesyuarat AJK kelak.

**10) Usul dan Cadangan**


- a) Usul – usul yang telah dibentangkan.
  - i) Pembentukan Khairat Kematian Surau Taman Sri Nibong
  - ii) Surau Taman Sri Nibong perlu menyediakan tempat mandi jenazah dan peralatan – peralatan lain yang sesuai
- b) Telah diputuskan untuk menerima kedua – dua usul yang telah dibentangkan

**11) Ucapan Penangguhan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Surau 2014 – 2016**


- a) Tiada.

**12) Bersurai & Jamuan Ringan.**

Disahkan oleh:



Nama: Prof. Dato' Ir. Dr. Mahyuddin Bin Ramli  
Jawatan: Pengerusi



Nama: Mohd Fahmi Bin Abdul Rahim  
Jawatan: Setiausaha

## Laporan Setiausaha bagi sesi 2014-2015

### Aktiviti – Aktiviti Sepanjang Tahun 2014 – 2015

#### 1) Mesyuarat AJK

- a) Jawatankuasa pengurusan surau telah mengadakan mesyuarat sebanyak 11 kali sepanjang tempoh April 2014 hingga Mei 2015. Selain dari itu terdapat juga mesyuarat khas dan mesyuarat susulan dimana perbincangan khusus untuk sesuatu program surau telah dibincangkan bagi mendapat maklum balas dan tindakan yang diambil oleh AJK tertentu.

#### 2) Takwim Surau Taman Sri Nibong

- a) Satu Takwim yang mengandungi tarikh penting seperti hari – hari kebesaran Islam telah dipaparkan di papan kenyataan surau.
- b) Jadual Kuliah dan Majlis Ilmu bagi tahun 1436H juga telah dipaparkan di papan kenyataan surau.
- c) Selain daripada it takwim bulanan yang memaparkan aktiviti surau telah diedarkan dari rumah ke rumah serta melalui laman web.

#### 3) Pelancaran Laman Web Rasmi Surau Taman Sri Nibong

- a) Laman web surau taman sri nibong telah dilancarkan. Ianya boleh dicapai melalui pautan berikut:  
<https://surautamansrinibong.wordpress.com/>
- b) Laman web ini merupakan satu saluran rasmi surau ini di alam maya untuk memperkenalkan surau ini serta menyampaikan maklumat kepada ahli jemaah dan pengunjung laman ini.
- c) Laman web ini memaparkan makluman berkaitan surau seperti alamat dan peta lokasi, senarai ahli jawatankuasa pengurusan dan pegawai – pegawai surau serta pautan – pautan yang berkaitan. Selain daripada itu laman web ini juga digunakan sebagai medium untuk hebahan aktiviti dan program secara atas talian.

#### 4) Letterhead dan Logo Rasmi Surau Taman Sri Nibong

- a) Letterhead dan logo rasmi surau telah dibuat bagi tujuan mempertingkatkan tahap profesionalisme semasa berurusan dengan pihak luar.

#### 5) Permohonan untuk melaksanakan solat jumaat di surau ini

- a) Satu kertas kerja telah dibuat dan dihantar kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk permohonan melaksanakan solat jumaat di surau ini sebagai satu inisiatif proaktif untuk membantu mengurangkan masalah kekurangan ruang solat di Masjid Jamek Sungai Nibong Besar dan juga sebagai persiapan untuk menghadapi keadaan semasa pembinaan semula masjid tersebut kelak.
- b) Menurut maklum balas yang diterima, kebenaran untuk melaksanakan solat jumaat di surau ini hanya akan diberikan setelah kebenaran untuk merobohkan masjid telah dikeluarkan.



**6) Checkpoint rondaan polis**

- a) Sebagai salah satu usaha untuk mempertingkatkan lagi keselamatan di surau ini, jawantankuasa pengurusan surau telah mendapatkan persetujuan daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM) untuk menjadikan surau ini sebagai salah satu checkpoint rondaan di taman ini.
- b) Pegawai peronda akan menurunkan tandatangan di buku rekod rondaan yang yang terdapat didalam peti PDRM.

**7) Bancian maklumat penduduk muslim Taman Sri Nibong**

- a) Usaha untuk mengumpulkan maklumat penduduk muslim taman sri nibong telah dibuat. Borang bancian yang mudah diisi telah diedarkan melalui saluran berikut:
  - i) Secara atas talian melalui laman web rasmi surau
  - ii) Diedarkan dari rumah ke rumah
  - iii) Sebagai pendaftaran semasa Program Hari Keluarga

**8) Gambar – gambar kenangan semasa aktiviti surau**

- a) Gambar – gambar yang diambil semasa aktiviti surau dijalankan telah dibuat naik ke album di laman facebook surau. Gambar – gambar ini boleh dicapai secara atas talian tanpa memerlukan akaun facebook.

# Laporan Biro Program dan Aktiviti

## Aktiviti – Aktiviti Sepanjang Tahun 2014 – 2015

### 1) Program Ihya Ramadhan 1435H

- a) Aktiviti yang telah dijalankan sepanjang bulan Ramadhan 1435H adalah seperti Program tazkirah bagi persiapan menyambut Ramadhan, Majlis Gotong Royong sebelum Ramadhan, Majlis Berbuka Puasa, Solat Tarawih, Tadarus Al-Quran, Kuliah Subuh serta Moreh kawasan dan individu/berkumpulan.
- b) Pihak surau juga telah membuat rayuan sumbangan kewangan daripada penduduk Taman Sri Nibong bagi menampung perbelanjaan aktiviti sepanjang bulan Ramadhan, sumbangan kepada fakir miskin dan perbelanjaan pengurusan aktiviti-aktiviti surau sepanjang tahun berikutnya. Inisiatif menyediakan saluran sumbangan secara atas talian telah diteruskan. Langkah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan.
- c) Jadual Moreh dan Aktiviti Ramadhan telah disediakan pada kedua – dua bulan Ramadhan sebagai makluman kepada para jemaah mengenai tarikh Moreh tajaan kawasan dan tajaan individu/kumpulan serta tarikh aktiviti sepanjang Ramadhan. Melalui jadual ini, para jemaah boleh memilih dan menetapkan hari untuk menaja moreh secara individu atau berkumpulan. Alhamdulillah sambutan dari para jemaah yang menaja moreh secara individu atau berkumpulan amat menggalakkan.
- d) Banner ihya Ramadhan yang boleh diguna semula telah disediakan.

### 2) Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1435H

- a) Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah dianjurkan pada 1 Syawal 1435H dengan mendirikan Solat Sunat Aidilfitri serta mengadakan Jamuan Hari Raya.
- b) Aktiviti takbir raya dari rumah ke rumah juga telah dianjurkan pada tahun malam 1 Syawal 1435H.
- c) Alhamdulillah majlis – majlis sambutan ini telah dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan penduduk di taman ini.

### 3) Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat untuk calon peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan bakal Jemaah Haji

- a) Majlis bacaan Yasin dan Doa Selamat telah dianjurkan pada 1 Zulkaedah 1435H (27 Ogos 2014).
- b) Cenderahati juga telah dihadiahkan kepada bakal – bakal haji.

### 4) Sambutan Hari Raya Aidiladha 1435H

- a) Surau telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidiladha 1435H dengan menganjurkan Solat Aidiladha dan ibadah korban. 5 ekor lembu telah dikorbankan dari kalangan anak-anak kariah Taman Sri Nibong. Ibadah korban serta jamuan tengah hari juga diadakan di surau dan mendapat sambutan yang membanggakan.
- b) Kerjasama dan ukhuwah yang erat dapat dipupuk melalui aktiviti korban, penyediaan jamuan dan jamuan tengah hari. Di harapkan kehadiran dan kerjasama yang terpupuk ini dapat diteruskan pada masa masa akan datang.

**5) Aktiviti-Aktiviti Sambutan Maal Hijrah 1436H**

- a) Sambutan Maal Hijrah 1436H telah di anjurkan pada 29 Zulhijjah 1435H (24 Oktober 2014 ). Aktiviti sambutan termasuk membaca surah Yasin dan tahlil sebelum maghrib, Doa akhir dan awal tahun serta ceramah Maal Hijrah.

**6) Pengumpulan Sumbangan Barangan Keperluan untuk mangsa banjir di Pantai Timur**

- a) Sebagai anak qariah, surau ini telah bekerja sama dengan Masjid Jamek Sungai Nibong Besar untuk mengumpulkan sumbangan barangan keperluan untuk mangsa banjir di pantai timur.

**7) Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1436H**

- a) Sambutan Maulidur Rasul diadakan pada 12 Rabiul Awal 1436H (3 Jan 2015) dengan mengadakan ceramah agama yang telah disampaikan oleh Ustaz Wan Hizam.

**8) Kursus Pengurusan Jenazah**

- a) Satu kursus pengurusan jenazah yang dianjurkan bersama dengan Pusat Islam USM telah dibuat pada Sabtu 18 April 2015.

**9) Program Hari Keluarga Surau Taman Sri Nibong 2015**

- a) Alhamdulillah, buat julung kalinya program Hari Keluarga telah dianjurkan pada Sabtu 2 Mei 2015. Program yang bertemakan “Keluarga Sihat Hidup Sejahtera” ini telah mendapatkan sambutan yang menggalakkan.
- b) Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan, pertandingan mewarna dan pertandingan azan untuk kanak – kanak serta kuiz untuk orang dewasa dan kanak – kanak.

**10) Majlis Sambutan Israk Mikraj 1436H**

- a) Sambutan Israk Mikraj diadakan pada 23 Rejab 1436H (16 Mei 2015) dengan mengadakan ceramah agama yang telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Ferdaus Bin Shahul Hamid.

**11) Kelas Pengajian Al Quran**

- a) Kelas Pengajian untuk anak – anak qariah telah dikendalikan oleh Ustaz Tn Hj. Safar.

## Laporan Biro Pendidikan

### Aktiviti – Aktiviti Sepanjang Tahun 2014 – 2015

#### 1) Majlis Ilmu Mingguan dan Bulanan

- a) Terdapat dua kuliah pengajian baru yang telah diperkenalkan iaitu Kuliah Fiqh dan Kuliah Penghayatan Solat.
- b) Majlis Kuliah mingguan dan bulanan telah dianjurkan seperti di bawah:
  - i) **Kuliah Tafsir** oleh Ustaz Yusof, setiap minggu hari Khamis malam Jumaat.
  - ii) **Kuliah Sirah Nabawiyah** oleh Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin, setiap hari Jumaat malam Sabtu, minggu pertama dan kedua.
  - iii) **Kuliah Kitab Al-Hikam** oleh Ustaz Wan Hizam Abdullah Sabil, setiap bulan pada hari Ahad malam Isnin minggu ke empat.
  - iv) **Kuliah Fiqh** oleh Ustaz Faizal, pada setiap hari Isnin minggu ke dua dan ke empat.
  - v) **Kuliah Penghayatan solat** oleh Ustaz Zayd Zhari Al Hafiz pada setiap hari Sabtu minggu kedua.
  - vi) **Kuliah bagi pihak muslimah**, pada setiap hari Ahad minggu ke tiga, jam 8 pagi.

#### 2) Modul Penghayatan Al Quran Sepanjang Ramadhan 1435H

- a) Modul penghayatan Al Quran telah dibuat sepanjang bulan Ramadhan. Modul ini menekankan kepada 3 elemen utama iaitu kelebihan, isi penting dan pengajaran utama yang terdapat pada setiap surah yang dipilih.
- b) Surah – surah pilihan pada Ramadhan 1435H adalah:
  - i) Surah Al Fatihah
  - ii) Ayat Kursi
  - iii) Surah Yasin
  - iv) Surah Al Mulk

#### 3) Kursus Pengurusan Jenazah

- a) Bagi menambah ilmu dan kemahiran ahli jemaah, satu kursus pengurusan jenazah telah dianjurkan bersama – sama dengan Pusat Islam USM.

## Laporan Biro Aset dan Pembangunan

### Aktiviti – Aktiviti Sepanjang Tahun 2014 – 2015

#### 1) Penukaran Karpet

- a) Alhamdulillah, karpet di surau ini telah ditukarkan dengan karpet baru sebelum Ramadhan 1435H.
- b) Keluasan karpet yang dipasang adalah sebanyak 368 meter pesergi.
- c) Alhamdulillah, surau telah menerima sumbangan daripada ahli jemaah sebanyak RM 21, 500 dan juga sumbangan daripada ICU (Jab. Perdana Menteri) sebanyak RM 6,000.

#### 2) Semakan Inventori

- a) Senarai inventori harta surau telah dikemaskini. Harta – harta surau juga telah dilabelkan.

#### 3) Cadangan Pengubahsuaian dan Penambahbaikan

- a) Pada masa ini, beberapa cadangan pengubahsuaian infrastruktur surau seperti pembinaan balai lintang untuk muslimah sedang diusahakan.
- b) Permohonan penambahbaikan surau ini telah dikemukakan kepada Jab. Agama Islam Pulau Pinang untuk mendapatkan kelulusan.

#### 4) Penyelenggaraan dan Baik Pulih Infrastruktur Surau

- a) Berikut adalah antara penyelenggaraan infrastruktur dan baik pulih yang telah dibuat:
  - i) Menukar bulb & suis yang telah rosak.
  - ii) Memperbaiki vacuum cleaner.
  - iii) Memperbaiki dan mengganti kunci.
  - iv) Memperbaiki tangki dan paip air.
  - v) Menservis alat pendingin hawa.
  - vi) Alatganti elektrik ELCB

- 5) Pihak JK Pengurusan Surau Taman Sri Nibong ingin mengucapkan terima kasih kepada individu – individu dan organisasi – organisasi yang telah memberi sumbangan bagi penambahbaikan infrastruktur surau seperti sumbangan untuk penukaran karpet dan lain – lain lagi. Semoga sumbangan ini dapat menambah lagi keselesaan jemaah mengimarahkan surau ini. Pihak pengurusan surau juga mengalu – alukan sumbangan dari jemaah pada masa akan datang.

**KEHADIRAN MESYUARAT JK PENGURUSAN SESI 2014 - 2016**

**SURAU TAMAN SRI NIBONG**

Bil	Bil Mesyuarat Nama / Tarikh	1 29/4/2014	2 27/5/2014	3 24/6/2014	4 19/8/2014	5 23/9/2014	6 20/10/2014	7 25/11/2014	8 30/12/2014	9 11/3/2015	10 7/4/2015	11 4/5/2015	Jumlah Kehadiran
1	Dato' Prof. Ir. Dr. Mahyuddin Bin Ramli	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
2	Dr. Shaik Abdullah Bin Hassan Mydin	✓	✓	x	✓	✓	x	✓	✓	✓	x	x	7
3	Hj. Mohamed Anwar Bin Ahmad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
4	En. Mohd Fahmi Bin Abdul Rahim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
5	En. Abdul Muif Bin Abdul Wahab	✓	x	x	x	x	✓	✓	x	✓	x	x	4
6	Hj. Bukhari Bin Mansor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	9
7	Hj. Abdul Rahim Bin Abdul Razak	✓	✓		✓	x	x	✓	✓	x	x	x	5
8	Hj. Abdul Kuthoose Majid	x	✓	✓	x	x	x	✓	x	x	x	x	3
9	En. Elias Mohamad	✓	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	✓	x	✓	8
10	Prof. Madya Hj. Muhammad Rafie Bin Hj. Mohd Arshad	x	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	x	x	6
11	Hj. Ahmad Nasir Bin Ismail	x	x	✓	✓	x	x	x	x	✓	x	x	3
12	Hj. Shamsul Kamal Bin Ismail	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9
13	En. Subeli Zali	✓	✓	✓	✓	x	x	x	x	✓	x	x	5
14	En. Azuan Bin Rusly	✓	✓	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	x	7
15	En. Mohd Maidin Bin Mohd Yusoff	✓	✓	✓	x	x	x	x	x	x	x	x	3
16	Hj. Md. Ariffin Bin Che Embee	✓	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	x	✓	x	7
17	Hj. Ahmad Bin Che Din	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
18	En. Shawal Bin Hj. Ahmad	✓	✓	✓	x	✓	x	✓	x	✓	✓	✓	8
19	En. Abdul Latif Bin Idris	x	x	✓	✓	x	x	x	x	x	x	x	2
20	Hj. Abd Halim Bin Musa	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	✓	✓	9
	Hadir	16	17	17	15	8	10	12	11	14	10	9	
	Tidak Hadir	4	3	2	5	12	10	8	9	6	10	11	

**Surau Taman Sri Nibong**  
**Penyata Akaun Dari 1 April 2014 Hingga 30 April 2015**

	<u>NOTA</u>	<u>RM</u>
Baki dalam tangan pada 1.4.2014		136.65
Baki di bank pada 1.4.2014		18, 113.08
 <b><u>PENDAPATAN</u></b>		
Tabung surau		10,005.00
Sumbangan individu		4,622.00
Sumbangan AJK untuk jamuan selepas kuliah		4,850.00
Sumbangan untuk permaidani (carpet)		21,500.00
Sumbangan untuk Hari Keluarga		1,050.00
Juadah buka puasa		1,000.00
Dana pengurusan/aktiviti ramadan/wakaf		17,565.00
Fakir miskin		7,700.00
Sumbangan untuk sahur (Qiyamulail)		700.00
Sumbangan untuk kuliah subuh Ramadan		400.00
Hibah bank		29.32
Tabung bergerak solat AidilAdha		1,275.00
Tabung bergerak solat Aidilfitri		520.00
Kelas mengaji		1,521.00
Baki korban		600.00
		91,587.05
 <b><u>PERBELANJAAN</u></b>		
Upah bersih surau		5,200.00
Banner & fotostat		1,500.70
Kuliah Ust. Yusof		4,470.00
Kuliah Ust.Zayd Zhari		360.00
Kuliah Ust. Faiezal		700.00
Kuliah Ust.Wan Hizam		2,000.00
Kuliah Muslimah		1,350.00
Jamuan - Jamuan	<b>1</b>	16,229.00
Bil elektrik		2,236.20
Saguhati Penceramah	<b>2</b>	1,900.00
Saguhati Imam Solat Aidilfitri		200.00
Saguhati Imam Solat AidilAdha		200.00
Saguhati Imam Terawih		3,000.00
Saguhati Bilal Terawih		500.00
Penyelenggaraan & Pembaikan	<b>3</b>	1,009.70
Permaidani (Carpet)		22,000.00
Cenderahati peserta Tadarus AlQuran		700.00
		63,555.60

	<u>NOTA</u>	<u>RM</u>
Jumlah dari muka sebelah		63,555.60
Sumbangan kepada fakir miskin		7,700.00
Juadah buka puasa		900.00
Cenderahati bakal Haji		133.00
Alatganti elektrik (ELCB)		135.00
Permit sembelih lembu		100.00
Beg plastik,cawan,camca,garpu		429.00
Pembelian Peralatan	<b>4</b>	691.80
Bil air		118.35
Bayaran bank		4.12
Pelekat banner MPPP		10.60
Permit banner MPPP		65.00
Peti Polis		55.00
Cop getah (rubber stamp)		8.40
Servis penghawa dingin		840.00
Kordial,air mineral, ais		150.00
		<b>74,895.87</b>
Baki dalam tangan pada 30.04.2015		72.90
Baki dalam bank pada 30.04.2015		16,618.28
		<b>91,587.05</b>

Disediakan oleh:



(MOHAMED ANWAR BIN AHMAD)  
Bendahari  
SURAU TAMAN SRI NIBONG

Telah diaudit dan disahkan betul oleh:



(TN. HJ. YAALI BIN KECHIK)  
Juruaudit



(PROF. DR. ABD RAHNI BIN MAT PIAH)  
Juruaudit



### NOTA 1: Jamuan – Jamuan

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Jamuan selepas kuliah	9,785.00
Jamuan sahur (Majlis Qiyamulail)	670.00
Jamuan bacaan Yasin - bakal Haji & peperiksaan awam	170.00
Jamuan Sambutan Maal Hijrah ( 2 kali)	1,250.00
Jamuan Sambutan Maulidur Rasul	750.00
Jamuan Hari Raya AidilFitri	2,240.00
Jamuan Hari Raya AidilAdha	600.00
Bahan masakan korban	500.00
Sarapan pagi majlis korban	264.00
	<hr/>
	16,229.00
	<hr/>

### NOTA 2: Saguhati Penceramah

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Ceramah Israk Mikraj	200.00
Ceramah Penghayatan Ramadhan	200.00
Ceramah Maal Hijrah (2 kali)	500.00
Kursus Pengurusan Jenazah	300.00
Kuliah subuh (Ramadan)	400.00
Ceramah Maulidur Rasul	300.00
	<hr/>
	1,900.00
	<hr/>

### NOTA 3: Penyelenggaraan & Pembaikan

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Tukar bulb & suis	101.70
Baiki vacuum	138.00
Baiki dan ganti kunci	590.00
Baiki tangki dan paip air	180.00
	<hr/>
	1,009.70
	<hr/>

### NOTA 4: Pembelian Peralatan

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Mesin pemotong tulang	548.00
Besen (2)	52.00
Bekas air (2)	91.80
	<hr/>
	691.80
	<hr/>



بنك معاملات  
**Bank Muamalat**



**SIJIL AKAUN BERJANGKA TETAP-i**  
**FIXED TERM ACCOUNT-i CERTIFICATE**

**Cawangan**  
Branch

BAYAN BARU

**No. Akaun** 0102-0001484-14-1 G/N : 0102-0000090-13-1  
A/C No.

**No. Resit**  
Receipt No.

00008653

**Tarikh Deposit** 30/04/2015  
Placement Date

**Tarikh Matang** 30/10/2015  
Maturity Date

**Jumlah**  
Amount

\*\*\*\*\*10,655.50

**Tempoh** 6  
Duration

**Bulan**  
Months

**Kadar Keuntungan** 3.3500 %  
Profit Rate

**Ringgit**

\*\*TEN THOUSAND SIX HUNDRED FIFTY FIVE AND FIFTY SEN ONLY\*\*

**Pelanggan 1**  
Customer 1

PENGURUSAN MUSULLA TAMAN SRI NIBUNG

**No. K/P**  
I/C No. SUK010200013

**Pelanggan 2**  
Customer 2

**No. K/P**  
I/C No.

**LAYAK DILINDUNGI OLEH PIDM**  
**ELIGIBLE FOR PROTECTION BY PIDM**

b/p **BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

**Peringatan : Lihat Arahan dan Peraturan Di Muka Sebelah Sijil ini**  
N.B. : See Rules and Instructions On Overleaf Of This Certificate

SERIAL No. **00008653**  
IBC 3  
(On-line)

FAIRULIZA MD. HANIFFA  
3314/102852

LAILATUL ZURAIDAH HANI  
BINTI MD HASSAN  
100812

## **Usul – Usul**

Tiada usul – usul yang telah diterima sebelum 24 Mei 2015.